

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah yang mempunyai sukatan pendidikan seks dan apakah umur kanak-kanak yang diajar pendidikan seks dan jika pendidikan seks akan diajar di semua sekolah. Jika tidak, mengapa dan bilakah semua sekolah akan mengajarnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pendidikan seks dikenali sebagai **Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)**. PEERS diajar kepada semua murid di **semua sekolah** bermula dari **Prasekolah** hingga **Tingkatan 5** melalui **kurikulum Pendidikan Kesihatan**. PEERS adalah satu proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan membentuk sikap, nilai serta kepercayaan terhadap identiti, perhubungan dan keintiman sesama insan. PEERS bukan hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seks semata-mata tetapi mencakupi pengetahuan aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan.